

Universiti mampu suburkan 1Malaysia – Sultan Selangor

SERDANG 8 Ogos – Sultan Selangor, Sultan Azlan Shah, mula hari ini.

tor pert



SULTAN Sharafuddin Idris Shah dan Abdullah Ahmad Badawi bersama penerima anugerah khas (dari kiri) Lee Pay Chiann, Yussyafiqah, Noorhalizam, Lim Sue Yee, Shafeeqa, Chong Jiu Hui dan Nur Syuhada di UPM, Serdang, semalam.

SERDANG 8 Ogos – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah percaya universiti mampu memainkan peranan menyuburkan konsep 1Malaysia secara lebih berkesan.

Baginda yang juga Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) bertitah, ia boleh dilakukan melalui perkongsian ilmu dan pengetahuan berteraskan budaya kesarjanaan serta aktiviti menyokong pembentukan budaya tinggi masyarakat.

Sehubungan itu, baginda berharap para graduan memberi sokongan dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan konsep 1Malaysia yang diketengahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Ia merupakan satu konsep yang komprehensif berteraskan lapan nilai utama mengubah masyarakat ke arah kehidupan yang cemerlang, sejahtera dan berwawasan,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin menyampaikan titah ucapan berkenaan pada Majlis Konvokesyen ke-33 UPM yang berlangsung selama empat hari ber-

mula hari ini.

Sepanjang tempoh itu, 141 graduan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 1,072 ijazah sarjana, 5,984 ijazah sarjana muda dan 400 lagi menerima diploma.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin menyeru graduan mengamal dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi di UPM bagi menjayakan usaha murni kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berwibawa dan berdaya saing.

“Para graduan harus berfikir di luar rangka pemikiran yang tidak terhad kepada kepentingan peribadi semata-mata,” titah baginda.

Sementara itu pada majlis berkeajaan, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian bagi menghargai jasa besarnya memperkasakan industri asas tani negara.

Abdullah dalam ucapannya berharap melihat lebih banyak syarikat besar menceburi sektor dan sub-sek-

tor pertanian.

Katanya, sektor pertanian kelapa sawit dan getah umpamanya menjadi begitu berjaya kerana penglibatan syarikat besar serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Saya percaya mereka yang menceburi bidang pertanian baru yang berasaskan bioteknologi mampu mencapai kejayaan besar dalam industri asas tani termasuk farmaseutikal, kosmetik dan makanan tambahan,” katanya.

Sementara itu, UPM turut menyampaikan anugerah khas kepada pelajar cemerlangnya.

Antaranya, Lee Pay Chiann (Anugerah Pelajaran Diraja), Yussyafiqah Yunus (Anugerah Pelajaran Diraja), Noorhalizam Mohamad Noor (Pingat Emas Canselor), Lim Sue Yee (Pingat Emas Alumni), Shafeeqa Shahrudin (Pingat Emas Yayasan Pak Rashid), Chong Jiu Hui (Hadiah Agribio) dan Nur Syuhada Adnan (Hadiah Syed Kechik).